



Ruj : UKM 3.1/224/8 Jld IX

Tarikh : 17 Julai 2012

PEKELILING BENDAHARI BIL.15/2012

Dekan/ Pengarah/ Ketua
Fakulti/ Pusat/ Bahagian/ Jabatan/ Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia, dan
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

Er. Kameed
TERIMA
20 JUL
Unit Pentadbiran
Jabatan Bendahari
UKM
Er. Hussein
Raid
U
4/2012

PEMAKLUMAN PELANTIKAN PEGAWAI PEMERIKSA ASET

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling Bendahari Bil. 15/2008-Tatacara Pengurusan Aset Alih dengan pindaan adalah dirujuk.

Adalah dimaklumkan di dalam Bab C, Bil. 5.3:

Ketua PTJ hendaklah melantik sekurang-kurangnya dua (2) orang Pegawai Pemeriksa yang tidak terlibat secara langsung dalam pengurusan aset untuk membuat pemeriksaan ke atas harta modal dan inventori.

Memandangkan ketidakselarasan mengenai kuasa lantikan pegawai pemeriksa, maka kami ingin meminda kuasa pelantikan pegawai pemeriksa dari Ketua PTJ kepada Bendahari.

Sehubungan dengan itu, YBhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan untuk menamakan sekurang-kurangnya dua (2) orang kakitangan berjawatan 27 ke atas yang tidak terlibat secara langsung dalam pengurusan aset untuk membuat pemeriksaan ke atas harta modal dan inventori di jabatan Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan. Pemeriksaan hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun.

Seperti mana yang telah dimaklumkan dalam pekeliling sebelum ini, tujuan pemeriksaan adalah untuk :

- Mengetahui keadaan dan prestasi aset dan inventori
- Memastikan setiap aset dan inventori mempunyai kad daftar/rekod yang lengkap, tepat dan kemaskini
- Memastikan setiap aset dan inventori berada di lokasi sama seperti tercatat dalam daftar.

Mohon kerjasama YBhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan untuk mengemukakan nama kakitangan di jabatan YBhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan bagi tujuan lantikan sebagai pegawai pemeriksa selewat-lewatnya sebelum atau pada **15 Ogos 2012**.